

PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA

ABF Malaysia Bond Index Fund

(dana didagang pada bursa yang dibentuk di Malaysia pada 12 Julai 2005 dan ditubuhkan pada 13 Julai 2005)

PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA INI BERTARIKH 18 DISEMBER 2024 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA”) DAN MESTI DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaian dan sebut harga bagi unit-unit ABF Malaysia Bond Index Fund (“Dana”) di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan salinan Prospektus Tambahan Ketiga ini telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Ketiga ini, tidak harus dianggap sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau menerima tanggungjawab ke atas ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat yang diberikan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus bertarikh 6 Ogos 2021, Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 31 Mac 2022, Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 1 September 2023 dan Prospektus Tambahan Ketiga ini bertarikh 18 Disember 2024. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, mempertimbangkan merit-merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa ketidakdedahan di pihak AmFunds Management Berhad, syarikat pengurusan yang bertanggungjawab ke atas Dana dan tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus Tambahan Ketiga ini, tidak membuat representasi berhubung ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti ke atas apa-apa kerugian yang anda mungkin alami disebabkan atau dalam pergantungan kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus Tambahan Ketiga ini.

Penerimaan masuk ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh dianggap sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau unit-unit Dana.

Prospektus Tambahan Ketiga Bertarikh **18 Disember 2024**

Pengurus

AmFunds Management Berhad

Nombor syarikat: 198601005272 (154432-A)

Pemegang Amanah

HSBC (Malaysia) Trustee Berhad

Nombor syarikat: 193701000084 (1281-T)



Growing Your Investments in a Changing World

PENAFIAN – PELABUR-PELABUR HARUS BERGANTUNG PADA PENILAIAN MEREKA SENDIRI UNTUK MENILAI MERIT-MERIT DAN RISIKO-RISIKO PELABURAN. JIKA PELABUR-PELABUR TIDAK DAPAT MEMBUAT PENILAIAN MEREKA SENDIRI, MEREKA HARUS MENDAPATKAN NASIHAT PENASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT MENGENAI FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL PELABUR, RUJUK “FAKTOR-FAKTOR RISIKO” YANG BERMULA DI MUKA SURAT 17 PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, MUKA SURAT 5 PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022, MUKA SURAT 6 PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023 DAN MUKA SURAT 6 PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA INI.

INI ADALAH PROPEKTUS TAMBAHAN KETIGA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023

PENYATA TANGGUNGJAWAB

Para pengarah AmFunds Management Berhad telah membaca dan meluluskan Prospektus Tambahan Ketiga ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang jika tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Tambahan Ketiga ini palsu atau mengelirukan.

PENYATA TAMBAHAN

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka boleh mendapatkan rekursa di bawah *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* untuk pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk mana-mana kenyataan dalam Prospektus Tambahan Ketiga ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau yang daripadanya terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau memperdaya berhubung dengan Prospektus Tambahan Ketiga ini atau perlakuan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

DATA PERIBADI

Sebagai sebahagian daripada perniagaan hari ke hari kami, kami mengumpulkan maklumat peribadi anda apabila anda memohon untuk membuka akaun dengan kami, melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Sebagai balasan, kami boleh menggunakan maklumat ini bagi menyediakan untuk anda produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan kami, menyelenggara rekod kami atau menghantar kepada anda maklumat yang relevan. Kami boleh menggunakan maklumat peribadi anda yang termasuk maklumat mengenai mana-mana urusan niaga yang dilaksanakan dengan kami, untuk satu atau lebih tujuan berikut, sama atau di Malaysia atau sebaliknya:

- a. Menilai kelayakan atau kesesuaian anda dengan produk-produk kami yang anda telah pohon dan untuk mengesahkan identiti atau kedudukan kewangan anda melalui semakan rujukan kredit;
- b. Untuk memaklumkan anda mengenai lebih banyak maklumat dan maklumat terkini seperti penambahbaikan dan ciri-ciri baharu kepada produk dan perkhidmatan sedia ada, pembangunan produk baharu, perkhidmatan dan promosi yang mungkin menarik minat anda;
- c. Mengurus dan menyelenggara akaun(-akaun) anda melalui kemas kini berkala, penyatuan dan penambahbaikan ketepatan rekod kami. Dengan cara ini, kami dapat bergerak balas kepada pertanyaan anda, aduan dan pada amnya menyelesaikan pertikaian dengan pantas supaya kami dapat menambah baik perniagaan kami dan perhubungan anda dengan kami.
- d. Membuat penyelidikan untuk tujuan analisis, perlombongan data dan menganalisis urusan niaga/penggunaan produk dan perkhidmatan anda untuk lebih memahami kedudukan kewangan/pelaburan dan keperluan masa depan anda. Kami juga akan menjana data, laporan dan statistik dari masa ke masa, walau bagaimanapun maklumat tersebut akan diagregatkan supaya identiti anda kekal rahsia.
- e. Mematuhi keperluan mana-mana undang-undang dan peraturan yang terpakai ke atas kami seperti melakukan semakan anti pengubahan wang haram, mengesan/mencegah jenayah, pendakwaan, perlindungan dan keselamatan;
- f. Penguatkuasaan hak kami untuk mendapat kembali apa-apa yang terhutang dengan kami termasuk memindahkan atau menguntukkan hak, kepentingan dan obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- g. Dalam perjalanan biasa perancangan perniagaan am, fungsi pengawasan, perumusan strategi dan pembuatan keputusan dalam AmBank Group;
- h. Untuk mentadbir dan membangunkan syarikat-syarikat Pengurus dan/atau syarikat-syarikat yang bersekutu dengan Pengurus dalam perhubungan perniagaan AmBank Group dengan anda;
- i. Penyumberluaran operasi perniagaan dan bilik belakang dalam AmBank Group dan/atau lain-lain penyedia perkhidmatan; dan
- j. Apa-apa tujuan(-tujuan) lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, standard, garis panduan dan/atau pihak berkuasa peraturan berkaitan termasuk dengan pemegang amanah Dana.

INI ADALAH PROPEKTUS TAMBAHAN KETIGA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023

Pelabur-pelabur dinasihatkan supaya membaca Notis Privasi terkini atau kemas kini kami (notis disediakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) yang terdapat di laman web kami di www.aminvest.com. Notis Privasi kami mungkin dikaji semula dari masa ke masa dan jika terdapat sebarang semakan(-semakan), ia akan disiarkan di laman web kami dan/atau melalui kaedah komunikasi lain yang kami anggap sesuai. Walau bagaimanapun, sebarang semakan(-semakan) akan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

BAHAGIAN LAIN MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

INI ADALAH PROPEKTUS TAMBAHAN KETIGA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023

Kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam Prospektus Tambahan Ketiga ini, semua istilah dalam huruf besar yang digunakan dalamnya mempunyai maksud yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam Prospektus bertarikh 6 Ogos 2021 sebagaimana yang dipinda melalui Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 31 Mac 2022 dan Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 1 September 2023 (“Prospektus”).

NOTA-NOTA PENJELASAN

Prospektus Tambahan Ketiga ini dikeluarkan untuk memaklumkan pelabur-pelabur mengenai:

- (i) kemas kini maklumat korporat Pengurus;
- (ii) kemas kini mengenai polisi pengagihan Dana;
- (iii) kemas kini mengenai faktor-faktor risiko yang khusus kepada Dana;
- (iv) perubahan dalam keahlian lembaga pengarah Pengurus;
- (v) perubahan dalam keahlian jawatankuasa pelaburan Dana; dan
- (vi) lain-lain kemas kini yang bersifat am.

A. DEFINISI

Muka surat vii hingga viii Prospektus

Definisi “Surat Ikatan” dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Surat Ikatan : Surat ikatan bertarikh 12 Julai 2005 sebagaimana dipinda melalui surat ikatan tambahan bertarikh 30 Jun 2006, surat ikatan tambahan bertarikh 20 Jun 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 24 Februari 2015, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 16 November 2020, surat ikatan tambahan keempat bertarikh 1 Ogos 2023 dan surat ikatan tambahan kelima bertarikh 21 Jun 2024 yang ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit yang membentuk Dana sebagaimana yang dipinda melalui apa-apa surat ikatan tambahan lain kepadanya

B. PANDUAN KORPORAT

Muka surat xiv Prospektus

Ibu pejabat Pengurus dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Ibu Pejabat:
Tingkat 9, Bangunan AmBank Group
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
No. Tel: 03 – 2032 2888
No. Faks: 03 – 2031 5210
E-mel: enquiries@aminvest.com
Laman web: www.aminvest.com

INI ADALAH PROPEKTUS TAMBAHAN KETIGA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023

C. SEKSYEN 1 – RINGKASAN EKSEKUTIF

Muka surat 4 hingga 5 Prospektus

SEKSYEN 1.1 Butir-butir Ringkas Dana

(i) Titik bulet baharu berikut dengan ini dimasukkan dalam “Faktor-faktor Risiko yang Khusus kepada Dana” di bawah “Ringkasan Faktor-Faktor Risiko”.

◆ Risiko Pengagihan

(ii) Maklumat di bawah “Polisi Pengagihan Pendapatan” dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Polisi Pengagihan	<p>Kekerapan</p> <p>Separuh tahunan, jika ada.</p> <p>Kaedah pengagihan</p> <p>(i) Melalui cek;</p> <p>(ii) Melalui pemindahan telegraf ke dalam akaun bank dinamakan anda; atau</p> <p>(iii) Kaedah tertentu lain yang diterima Pengurus atau Pemegang Amanah (mengikut keadaan) sebagaimana yang Pemegang Unit boleh tetapkan dari masa ke masa.</p> <p>Melainkan permohonan bertulis untuk yang sebaliknya diterima daripada Pemegang-pemegang Unit sebelum daripadanya, Pengurus boleh melaburkan semula pengagihan dalam Unit-unit tambahan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan.</p> <p><i>Nota: Atas budi bicara Pengurus, Dana boleh membuat pengagihan daripada laba, Pendapatan dan modalnya.</i></p>
-------------------	---

(iii) Maklumat berikut dengan ini dimasukkan di akhir seksyen ini:

Nota: Dana tidak akan melabur dalam derivatif dan/atau melaksanakan perjanjian belian semula atau aktiviti memberi pinjam sekuriti sehingga dan kecuali Pengurus telah mempunyai polisi dan prosedur pengurusan risiko untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut.

Muka surat 7 Prospektus

Seksyen 1.3 Maklumat Lain

Perenggan pertama seksyen ini dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Surat ikatan bertarikh 12 Julai 2005 sebagaimana dipinda melalui surat ikatan tambahan bertarikh 30 Jun 2006, surat ikatan tambahan bertarikh 20 Jun 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 24 Februari 2015, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 16 November 2020, surat ikatan tambahan keempat bertarikh 1 Ogos 2023 dan surat ikatan tambahan kelima bertarikh 21 Jun 2024 yang ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit.

INI ADALAH PROPEKTUS TAMBAHAN KETIGA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023

D. SEKSYEN 2 – ABF MALAYSIA BOND INDEX FUND

Muka surat 13 Prospektus

Seksyen 2.3 Skop dan Batasan Pelaburan

Maklumat berikut dengan ini dimasukkan di bawah “Skop Pelaburan”:

Nota: Dana tidak akan melabur dalam derivatif dan/atau melaksanakan perjanjian belian semula atau aktiviti memberi pinjam sekuriti sehingga dan kecuali Pengurus mempunyai polisi dan prosedur pengurusan risiko untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut.

Muka Surat 13 hingga 14 Prospektus

Seksyen 2.5 Polisi Pengagihan Pendapatan

- (i) Maklumat dalam seksyen ini dengan ini dipadankan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

2.5 Polisi Pengagihan

Pengagihan Pendapatan, jika ada, adalah atas dasar separuh tahunan.

Atas budi bicara Pengurus, Dana boleh membuat pengagihan daripada laba, Pendapatan dan modalnya. Rasional bagi pengagihan daripada modal adalah untuk memberikan kepada Dana kemampuan untuk (i) mengagihkan Pendapatan secara tetap selaras dengan polisi pengagihan Dana, atau (ii) meningkatkan jumlah Pendapatan boleh agih kepada Pemegang-pemegang Unit selepas mempertimbangkan objektif pelaburan Dana dan risiko membuat pengagihan daripada modal Dana.

Pengagihan daripada modal Dana mempunyai kesan merendahkan NAV Dana, boleh mengurangkan bahagian pelaburan asal Pemegang-pemegang Unit dan mungkin juga menyebabkan pulangan masa depan yang lebih rendah kepada Pemegang-pemegang Unit. Apabila sejumlah besar pelaburan asal dikembalikan kepada Pemegang-pemegang Unit, ia mempunyai risiko menghakis modal Dana dan mungkin, lama-kelamaan, menyebabkan NAV Dana jatuh. Lebih besar risiko hakisan modal yang wujud, lebih besar kemungkinan bahawa, disebabkan hakisan modal, nilai pulangan masa depan juga akan semakin kecil.

Pengurus akan mengira Pendapatan setiap hari sepanjang tempoh Dana.

Pemegang-pemegang Unit boleh menerima pengagihan:

- (i) melalui cek;
- (ii) melalui pemindahan telegraf ke dalam akaun bank dinamakan Pemegang Unit; atau
- (iii) kaedah tertentu lain yang diterima Pengurus dan Pemegang Amanah (mengikut keadaan) sebagaimana yang Pemegang Unit boleh tetapkan dari masa ke masa.

Melainkan permohonan bertulis untuk yang sebaliknya diterima daripada Pemegang-pemegang Unit sebelum daripadanya, Pengurus boleh melaburkan semula pengagihan dalam Unit-unit tambahan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan.

- (ii) Maklumat berikut dengan ini dimasukkan di akhir Seksyen 2:

Nota: Dana tidak akan melabur dalam derivatif dan/atau melaksanakan perjanjian belian semula atau aktiviti memberi pinjam sekuriti sehingga dan kecuali Pengurus telah mempunyai polisi dan prosedur pengurusan risiko untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut.

INI ADALAH PROPEKTUS TAMBAHAN KETIGA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023

E. SEKSYEN 3 – FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Muka surat 20 Prospektus

Seksyen 3.1 Faktor-faktor Risiko Khusus kepada Dana

Maklumat berikut dengan ini dimasukkan dalam seksyen ini:

3.1.20 Risiko Pengagihan

Perlu diberi perhatian bahawa pengagihan Pendapatan adalah tidak dijamin. Keadaan-keadaan yang menghalang pengagihan Pendapatan termasuk, antara lain, laba teralisasi atau Pendapatan terealisasi tidak mencukupi untuk membolehkan pengagihan Pendapatan. Dana boleh membuat pengagihan daripada laba terealisasi, Pendapatan terealisasi dan modalnya.

Pengagihan modal mewakili pulangan atau pengeluaran sebahagian daripada jumlah pelaburan asal anda dan/atau laba modal yang berkait dengan pelaburan asal dan akan menyebabkan penurunan dalam NAV Dana dan mengurangkan modal yang tersedia untuk pelaburan masa depan dan pertumbuhan modal. Oleh itu, pertumbuhan modal masa depan mungkin terkekang.

Muka surat 22 Prospektus

Maklumat berikut dengan ini dimasukkan di akhir Seksyen 3:

Nota: Dana tidak akan melabur dalam derivatif dan/atau melaksanakan perjanjian belian semula atau aktiviti memberi pinjam sekuriti sehingga dan kecuali Pengurus telah mempunyai polisi dan prosedur pengurusan risiko untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut.

F. SEKSYEN 6 – MENGENAI PENGURUS

Muka surat 38 Prospektus

Seksyen 6.3 Para Pengarah dan Personel Penting

Profil Tai Terk Lin (Bebas) dengan ini dipadamkan keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

- **En Arnold Lim Boon Lay (Bebas)**, berusia 68 tahun, dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 15 Disember 2023 sebagai Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif. En Arnold Lim juga adalah Pengerusi jawatankuasa pelaburan AFM dan Amlslamic Funds Management Sdn Bhd. Beliau adalah pemegang ijazah Sarjana Muda dalam Sains Gunaan dari Universiti Sains Malaysia dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari HAAS School of Business, University of California at Berkeley. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan pelaburan melalui penglibatan dalam industri ini selama kira-kira tiga puluh (30) tahun. Sepanjang kerjayanya En Arnold Lim telah menjawat pelbagai jawatan di syarikat-syarikat pengurusan aset, termasuk Pacific Mutual Fund Berhad, SBB Asset Management Sdn Bhd dan CIMB-Principal Asset Management Berhad. Ketika berkhidmat di CIMB-Principal Asset Management Berhad, pada mulanya sebagai Ketua Ekuiti Runcit dan kemudian sebagai Ketua Pegawai Pelaburan, syarikat tersebut telah dikurniakan anugerah firma dana terbaik oleh Edge-Lipper pada 2012.

BAHAGIAN LAIN MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

INI ADALAH PROPEKTUS TAMBAHAN KETIGA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023

Muka surat 39 hingga 40 Prospektus

Seksyen 6.4 Jawatankuasa Pelaburan

- (i) Perenggan ketiga seksyen ini dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Jawatan kuasa pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- Arnold Lim Boon Lay (Pengerusi, Bebas)
- Tracy Chen Wee Keng (Bukan Bebas)
- Goh Wee Peng (Bukan Bebas)

- (ii) Perenggan keempat seksyen ini dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Profil jawatankuasa pelaburan Dana adalah seperti berikut:

▪ **Arnold Lim Boon Lay (Pengerusi)**

(Sila rujuk di atas)

▪ **Tracy Chen Wee Keng**

Tracy Chen Wee Keng dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif AmInvestment Bank Berhad pada 28 Oktober 2020 dan bertanggungjawab menguruskan julat penuh penyelesaian bersepadu dan perkhidmatan bank pelaburan ini, termasuk kewangan korporat, pasaran modal ekuiti, pengasalan hutang dan sukuk, perbankan peribadi, pengurusan dana dan perkhidmatan pembrokeran saham. Beliau juga adalah ahli jawatankuasa pelaburan AFM dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd. Beliau mempunyai pengalaman lebih tiga puluh (30) tahun dalam industri perbankan pelaburan dan perkhidmatan kewangan. Sebelum menyertai AmBank Group, beliau berkhidmat selama hampir dua dekad di CIMB Investment Bank, dan di sana beliau memegang beberapa jawatan kanan dalam liputan dan pengasalan perniagaan perbankan pelaburan, termasuk jawatan Pengarah Urusan Kanan dan Ketua Bersama Kumpulan Jurubank Kanan. Beliau dianggap sebagai salah seorang profesional industri paling berpengalaman, dan telah memberikan nasihat bagi sejumlah besar urusan hutang dan ekuiti berprofil tinggi dan inovatif. Beliau memulakan kerjaya perbankannya di Ban Hin Lee Bank dan Standard Chartered Bank di mana beliau memperoleh pengalaman luas dalam perbankan korporat dan pengurusan tunai. Beliau meneroka perbankan pelaburan selepas menyertai Affin Merchant Bank. Beliau adalah graduan Universiti Sains Malaysia dengan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian Kelas Pertama) dan memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal dan juga adalah Jurubank Bertauliah, Institut Jurubank Berkanun Asia. Beliau juga adalah Ahli Majlis Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia, dan dalam jawatan ini beliau berinteraksi secara aktif dengan peserta-peserta lain dalam industri perbankan pelaburan.

▪ **Goh Wee Peng**

(Sila rujuk di atas)

G. SEKSYEN 8 – TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

Muka surat 48 Prospektus

Perenggan kedua seksyen ini dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Surat ikatan telah ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan pemegang-pemegang Unit. Dana dibentuk oleh Surat Ikatan dan dikawal atur sebahagian besarnya oleh CMSA dan Garis Panduan ETF. Terma-terma dan syarat-syarat Surat Ikatan dan mana-mana surat ikatan tambahan kepadanya mengikat setiap Pemegang Unit seolah-olah mereka telah:

- (a) menjadi pihak kepada dan telah melaksanakan Surat Ikatan;

INI ADALAH PROPEKTUS TAMBAHAN KETIGA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023

- (b) dengan itu berwaad untuk dirinya untuk untuk semua orang sepertinya untuk mematuhi dan terikat dengan semua peruntukan dalamnya; dan
- (c) dengan itu memberikan kebenaran kepada Pemegang Amanah dan Pengurus masing-masing untuk melaksanakan semua tindakan dan perkara sebagaimana yang dikehendaki Surat Ikat.

Muka surat 48 Prospektus

Seksyen 8.3 Hak dan Batasan Pemegang-pemegang Unit

Butir (i) perenggan kedua seksyen ini dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

- (i) Menerima Pendapatan dan/atau pengagihan modal (jika ada);

BAHAGIAN LAIN MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG